

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEEMPAT BELAS  
17 APRIL 2020**

**PERKARA : 5(B)(IX)14**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PERMATANG PASIR  
YB. MUHAMMAD FAIZ BIN FADZIL**

14. Minta Kerajaan Negeri Pulau Pinang jelaskan apakah perancangan bagi memajukan sukan tradisional seperti sepak raga tuju dan "carrom".

**YB. SOON LIP CHEE  
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

14. Kerajaan negeri melalui Jawatankuasa MMK Belia dan Sukan tidak terlepas dalam memberi tumpuan terhadap kemajuan sukan tradisional di Pulau Pinang. Antara usaha-usaha yang dilaksanakan bagi memajukan sukan tradisional adalah seperti berikut:
- (a) Sukan tradisional telah dimasukkan di dalam senarai sukan yang akan dianjurkan di bawah program *Sports For All* di mana pada tahun 2020, dua (2) jenis sukan akan dianjurkan pada setiap bulan. Antara sukan tradisional yang telah dirancang adalah seperti sepak raga yang akan diadakan pada bulan Mac 2020, tarian singa pada bulan Mei 2020 dan sukan kabbadi pada bulan Disember 2020. Walau bagaimanapun, pelaksanaan program sukan pada bulan Mac 2020 terpaksa ditunda disebabkan oleh Perintah Kawalan Pergerakan;
  - (b) Jabatan Belia dan Sukan juga telah membuat perancangan untuk menganjurkan pelbagai aktiviti sukan tradisional daripada kaum Melayu, Cina dan India pada bulan April 2020. Penganjuran program ini juga terpaksa ditunda berikutan perintah kawalan pergerakan;

- (c) Jawatankuasa MMK Belia dan Sukan sentiasa menggalakkan persatuan-persatuan sukan tradisional serta NGO untuk bekerjasama dengan kerajaan negeri dalam menganjurkan acara sukan tradisional di Pulau Pinang; dan
- (d) Kerajaan Negeri melalui George Town World Heritage Incorporated (GTWHI) juga telah mengambil inisiatif untuk mendokumentasikan maklumat serta cara-cara memainkan sukan tradisional ini. Ianya telah dicetak sebagai *game-card* dalam 4 bahasa (Melayu, English, Cina dan Tamil) dan telah mendapat sambutan baik daripada penduduk tempatan dan luar negara yang menyertai Perayaan Warisan George Town. Maklumat ini juga dapat dimuat turun secara percuma di laman web George Town World Heritage Incorporated.